

MKN sambut baik cadangan bina tembok

KOTA BHARU – Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Kelantan menyambut baik cadangan pembinaan tembok di sempadan Malaysia-Thailand yang melibatkan sepanjang Sungai Golok sebagai salah satu cara untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan negara.

Setiausahanya, Rosli Mamat memberitahu, projek berkenaan juga mampu berperanan sebagai dwifungsi iaitu mengatasi jenayah dan dalam masa yang sama mengatasi masalah limpahan air dari Sungai Golok ketika musim tengkujuh yang kerap menyebabkan banjir.

“Selain pembinaan tembok,

mekanisme lain seperti rondaan statik dan bergerak perlu diteruskan. Pelbagai pendekatan yang diambil dalam satu-satu masa mungkin memberi kesan yang lebih baik.

“Bagaimanapun, pembinaan tembok itu memerlukan kajian mendalam melibatkan pelbagai perkara yang harus dilihat untuk jangka panjang,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Tambahnya, penguatkuasaan segera yang lebih tegas dan cekap termasuk mengambil tindakan kepada mereka yang keluar masuk ke negara ini tanpa sebarang dokumen mampu menangani kegiatan jenayah rentas sempadan.



PEMBINAAN tembok dapat membantu anggota keselamatan menjaga sempadan negara dengan lebih berkesan.